

Lawatan Dr Zambry ke Peking University perkukuh hubungan Malaysia-China

Oleh BERNAMA-August 18, 2026 @ 10:24 pm



Dr Zambry (enam kiri) bersama delegasi melakukan lawatan ke Huawei Beijing Research Institute selepas melawat Peking University, di Beijing, China hari ini. - Foto Ihsan FB Zambry Abd. Kadir

PUTRAJAYA: Lawatan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir ke Peking University di Beijing menjadi platform memperluas hubungan institusi pendidikan tinggi Malaysia dan China, khususnya dalam penyelidikan bersama, pertukaran kepakaran serta mobiliti tinggi, penyelidikan, inovasi, teknologi dan pembangunan bakat.

KPT berkata hubungan universiti Malaysia dengan institusi terkemuka China berpotensi diperkasa dalam bidang strategik termasuk kecerdasan buatan (AI), sains dan teknologi, pengkomputeran serta penyelidikan berimpak tinggi. Dalam lawatan berasingan ke Huawei Beijing Research Institute, Zambry turut diberi penerangan mengenai perkembangan AI, pengkomputeran awan dan teknologi digital, dengan kerjasama universiti-industri akan diperluas kepada penyelidikan bersama, pembangunan teknologi, inovasi dan pembangunan bakat berkemahiran tinggi.